



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 24
Bil. 20

25hb September 1980

TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 29.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA-PENJAJA 1979

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang mem-
buat dan, menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihakberkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil seperti berikut:

Akta 171.
Nama dan
pemakaian.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja-Penjaja 1979**.
2. Di dalam undang-undang kecil ini, melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—
‘Majlis’ ertiannya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;
‘barang-barang’ termasuklah sebarang perkhidmatan yang diberi bagi mendapatkan keuntungan;
‘penjaja beredar’ bermakna seseorang yang beredar dari satu tempat ke satunya menjual barang-barang atau pun mendirikan sebuah gerai untuk menjual barang-barang termasuklah penjaja beredar, statik atau penjaja sementara;
‘penjaja beredar’ ertiannya seseorang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari satu tempat ke satunya untuk mendedah, mengagih atau menyampaikan untuk jualan, sebarang makanan, minuman atau sebarang bentuk barang-barang;
‘Pegawai Perlesenan’ ertiannya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Majlis dan termasuklah timbalannya;

‘gerai berkunci’ ertiannya sebuah gerai yang dibina oleh Majlis ataupun oleh mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai begitu oleh Majlis;

'tempat awam' ertiinya mana-mana lapangan terbuka, tempat meletak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

'gerai' termasuklah sebarang gerai berkunci, meja, stor, bangku kecil, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, almari dinding, papan tunjuk dalam apa juu bentukpun atau sebarang alat yang lain sama ada jenis mudahalih atau bukan mudahalih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang tetap pada sesuatu tempat di atas atau di dalam mana makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis juapan dijual ataupun didedah untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau awam;

'penjaja statik' ertiinya seseorang yang mendirikan sebuah gerai secara tetap pada sesuatu tempat di manna-mana tempat persendirian atau awam dan menjual atau mendedahkan untuk jualan, sebarang makanan, minuman atau sebarang jenis barang;

'penjaja sementara' ertiinya seseorang yang kadang kalanya mendirikan sebuah gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan, sebarang makanan, minuman atau sebarang jenis barang di dalam sesuatu tapak yang dikhaskan untuk tujuan sedemikian oleh Majlis, bagi sesuatu tempoh seperti mana yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

'kenderaan' termasuklah sebarang kenderaan yang digerakkan dengan kuasa jentera atau sebaliknya dan termasuklah sebuah kereta sorong, gadi, basikal, trisikal, motosikal, sekuter, kereta, ven, lori, kapal, perahu atau rakit yang dipakai atau digunakan untuk tujuan menjaja.

3. Di bawah undang-undang kecil ini, sesiapapun tidak boleh menjalankan perniagaan sebagai penjaja tanpa mempunyai suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan.

4. (1) Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan sebagai seorang penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Perlesenan dalam bentuk seperti mana yang ditentukan oleh Pegawai Perlesenan itu.

(2) Di mana sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen itu dibenarkan, Pegawai Perlesenan akan menghendaki pemohon yang berkenaan mengemukakan dua keping gambarfotonya yang berukuran paspot yang mana hendaklah menunjukkan persamaan yang jelas dengan diri pemohon tersebut.

(3) Sesuatu lesen itu hendaklah dalam bentuk seperti mana yang ditentukan oleh Pegawai Perlesenan.

(4) Setiap lesen, selain dari yang dikeluarkan kepada seseorang penjaja beredar, hendaklah mengenai sesuatu tapak atau tapak-tapak yang tertentu.

(5) Setiap lesen hendaklah menentukan—

- (a) tempoh yang lesen itu akan sah pemakaianya;**
- (b) jenis makanan, minuman-minuman atau barang-barang yang hendak dijual; dan**
- (c) syarat-syarat dan had-had seperti mana yang Pegawai Perlesenan memikirkan patut dikenakan.**

Larangan
menjaja tanpa
lesen.

Permohonan
untuk
mendapatkan
lesen.

(6) Setiap lesen boleh dibatalkan oleh Pegawai Perlesenan pada bila-bila masa juapun tanpa sebarang sebab.

(7) Pegawai Perlesenan bolehlah dengan budibicaranya enggan memberi ataupun membaharu sebarang lesen tanpa memberi sebarang sebab.

(8) Setiap orang yang diberi lesen hendaklah mempamerkan lesenya pada setiap masa di sesuatu tempat yang jelas dilihat di bangunan atau kenderaan atau gerai yang dilesenkan dan hendaklah menunjukkan lesen itu sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Perlesenan atau sesiapa juapun yang diberi kuasa oleh Majlis.

(9) Seseorang pemegang lesen itu hendaklah menyerahkan lesenya kepada Pegawai Perlesenan apabila ianya habis tempoh, dibatal atau digantungkan.

5. (1) Mana-mana gerai selain daripada yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan Kerajaan atau badan Berkanun tidak boleh mempunyai dimensa-dimensa luarnya yang lebih dari dua puluh satu decimeter panjang dan sembilan decimeter lebar tidak termasuk unjuran-unjuran bumbung dan litupan bumbung tidak boleh mengunjur lebih dari 6 decimeter dari gerai itu dan hendaklah kurang dari 21 decimeter jika diukur dari paras tanah, melainkan dikecualikan oleh Pegawai Perlesenan dengan cara bertulis dan hendaklah mempunyai litupan bumbung seperti yang diluluskan oleh Pegawai Perlesenan. Saiz Gerai.

(2) Sebarang almari dinding tidak boleh melebihi ukuran tiga puluh enam decimeter dan lapanbelas decimeter dan tiga decimeter kecuali diluluskan oleh Pegawai Perlesenan dengan cara bertulis dan hendaklah mempunyai litupan bumbung seperti yang diluluskan oleh Pegawai Perlesenan.

6. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh menyerahak, menyewa, menyewakecil, memindahmilik atau melepaskan sebarang hak di bawah lesenya itu tanpa kebenaran bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Pegawai Perlesenan. Ketiaadaan Pemegang Lesen.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa berada dan mengendalikan atau mengawasi perniagaan di gerai atau di tapak gerainya itu kecuali ia tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang berpatutan.

(3) Apabila seseorang pemegang lesen itu tidak boleh mengendalikan perniagaannya di gerainya itu untuk tempoh lebih dari tigapuluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang penama untuk menggantikannya dengan terlebih dahulu mendapat perlusan bertulis daripada Pegawai Perlesenan.

(4) Pegawai Perlesenan tidak boleh memberi sebarang perlusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (3) undang-undang kecil ini untuk satu tempoh yang melebihi tiga bulan kecuali dalam keadaan-keadaan yang ia memikirkan patut.

(5) Apabila seseorang penama itu mengambil tempat seorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas seorang pemegang lesen di bawah undang-undang kecil ini terjatuh kepada penama itu yang boleh didakwa kerana sebarang pelanggaran undang-undang kecil ini seolah-olah beliau sendiri pemegang lesen itu.

(6) Satu bayaran sebanyak sepuluh ringgit kena dibayar oleh pemegang lesen bagi perlantikan seorang penama.

7. (1) Mana-mana penjaja tidak boleh menjalankan perniagaannya—

- (a) dalam lingkungan sembilan meter dari sesuatu simpang jalan;
- (b) dalam lingkungan tigapuluh enam decimeter dari sebuah pili bomba; atau
- (c) di tangga, kakilima atau gili-gili awam yang meliputi parit awam atau lorong belakang kecuali dibenarkan oleh Pegawai Perlesenan.

(2) Mana-mana penjaja tidak boleh menjalankan perniagaannya begitu cara hinggakan menghalang atau mengganggu perjalanan licin lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki.

(3) Setiap penjaja hendaklah mematuhi apa jua arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Pegawai Perlesenan atau oleh sesiapa juapun yang diberikuasa oleh Majlis mengenai penempatan gerainya, kenderaan atau lain-lain alat berkaitan dengan perniagaannya.

(4) Setiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari ruang atau tapaknya, gerai, kenderaan atau lain-lain alat berkaitan dengan perniagaannya apabila tamat perniagaan tiap-tiap hari atau malam yang mana satu yang berkenaan.

(5) Setiap penjaja hendaklah berumur tidak kurang dari lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Pegawai Perlesenan.

(6) Seseorang pemegang lesen tidak boleh:

- (a) menjual atau menghidangkan sebarang benda makanan, minuman atau barang selain dari yang dicatitkan di dalam lesennya;
- (b) menyerahak, menyewa, menyewakecil, memindahmilik atau melepaskan sebarang hak di bawah lesen itu tanpa memperolehi keizinan bertulis daripada Pegawai Perlesenan terlebih dahulu;
- (c) mengambilkerja sesiapa pun di mana-mana gerai tanpa memperolehi terlebih dahulu keizinan Pegawai Perlesenan secara bertulis. Nama tiap-tiap orang yang diambilkerja sedemikian hendaklah dicatitkan di dalam lesen itu dan Pegawai Perlesenan hendaklah diberitahu dahulu tentang setiap pertukaran pekerja dan perlulusan bertulis hendaklah diperolehi bagi pertukaran sedemikian;
- (d) membenar gerainya digunakan untuk tujuan kediaman atau tidur;
- (e) membenar sebarang permainan kemahiran atau mencuba nasib dijalankan digerainya.

8. Sesiapa pun tidak boleh menjalankan perniagaan sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau tempat yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

9. Gadi yang digunakan oleh seseorang penjaja beredar hendaklah tidak melebihi lapanbelas decimeter panjang dan sembilan decimeter lebar dan bumbung atau kajang di atasnya hendaklah tidak mengunjur lebih dari tiga decimeter dari mana-mana bahagian kereta sorong itu. Gadi.
10. Di mana sesuatu kenderaan digunakan oleh seseorang penjaja beredar, ianya hendaklah dari saiz atau bentuk yang diluluskan oleh Pegawai Perlesenan. Kenderaan.
11. Seseorang penjaja beredar tidak boleh berhenti di mana-mana tempat kecuali apabila benar-benar sedang menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan tidak boleh berhenti tetap pada sesuatu tempat bagi tempoh lebih dari 30 minit. Penjaja beredar hendaklah bergerak.
12. Setiap penjaja adalah tertakluk kepada pemeriksaan doktor seperti mana yang diarahkan oleh Pegawai Perlesenan. Pemeriksaan doktor.
13. Setiap penjaja hendaklah mempastikan bahawa— Kebersihan.
- (a) anggota dan pakaianya adalah bersih, dan
 - (b) gerai atau kenderaannya dan lain-lain alat berkaitan dengan perniagaannya adalah bersih dan hendaklah mengecat atau mengecatkannya semula pada masa yang diarahkan oleh Pegawai Perlesenan.
14. Mana-mana penjaja pun tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi tujuan menyediakan makanan mungkin dikecualikan oleh Pegawai Perlesenan. Tidak boleh menggunakan kayu api.
15. Setiap penjaja hendaklah menyediakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang mencukupi yang perlu untuk membuang sampah. Menyediakan tong-tong sampah.
16. Semua sampah yang busuk atau sampah pejal basah hendaklah dibubuh di dalam beg-beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dibuang ke dalam tong sampah. Sampah Pejal Basah.
17. Semua sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan dengan cara yang diarahkan oleh Pegawai Perlesenan. Molupuskan sampah.
18. Seseorang penjaja tidak boleh menyebab atau membenarkan dibuang, tumpah, bertaburan atau dibuang sebarang darah, air masin, cecair buangan, sebarang benda busuk atau sampah ke dalam mana-mana parit atau ke atas mana-mana tempat awam yang lain. Menurmpahkan benda-benda yang busuk.
19. Bayaran yang dikenakan bagi sesuatu lesen adalah seperti mana yang ditetapkan di dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar dahulu. Bayaran.
20. Sesiapa jua yang menjalankan perniagaan sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan di bawah undang-undang kecil ini dan sesiapa jua yang dilesenkan oleh Pegawai Perlesenan di bawah undang-undang kecil ini melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih dari seribu ringgit. Penalti.
21. (1) Sebarang benda yang dimaksudkan atau didedah untuk jualan, bersama-sama dengan bekas-bekasnya dan sebarang alat kelengkapan serta gerai atau kenderaan yang adalah kepunyaan atau dimiliki oleh seseorang yang tidak berlesen untuk menjalankan perniagaan sebagai penjaja di bawah undang-undang ini boleh

dirampas oleh Pegawai Kesihatan atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Majlis dan dipindahkan serta ditahan di tempat sedemikian sepetimana yang ditentukan oleh Majlis atas risiko pemilik.

(2) Sebarang benda yang mudah busuk yang dirampas di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan dengan cara yang ditentukan oleh Pegawai Perlesenan.

Tuntutan
barang-barang
dirampas.

22. Sesiaapa yang menuntut mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 21 boleh menuntut barang-barang itu daripada Pegawai Perlesenan di dalam tempoh tiga bulan dari tarikh rampasan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh Pegawai Perlesenan dan tertakluk kepada pembayaran bayaran sepetimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga:

Sekiranya tuntutan tidak dibuat terhadap mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di dalam tempoh tiga bulan yang dinyatakan, Pegawai Perlesenan bolehlah melupuskan barang-barang tersebut dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

23. Peruntukan-peruntukan undang-undang kecil yang berikut adalah dengan ini dimansuhkan—

Pg. G.N.
25/58.
Pg. G.N.
47/58.

Pg. L.N.
10/61.
Pg. L.N.
30/61.

Pg. G.N.
32/63.

Pg. G.N.
302/59.

Pg. G.N.
212/48.
Pg. G.N.
105/48.

- (a) City of George Town, Penang Stalls By-laws, 1957.
Gazette Notification Penang State G.N. 26/58 and G.N. 47/58.
- (b) George Town (Penang) Itinerant Hawkers By-laws, 1960.
Gazette Notification Penang State 10/61 and 30/61.
- (c) Rural District Council, Penang Island, Itinerant Hawkers By-laws, 1962 Penang Government G.N. 32/63.
- (d) Rural District Council, Penang Island Street Stalls By-laws, 1959 Penang Government G.N. 302/59.
- (e) Penang (Municipal) Hawkers (Prohibited Streets) By-laws, 1948 as amended from time to time.

JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL 8

Jalan-jalan yang dilarang kepada Penjaja-penjaja Beredar

(a) Kawasan Bandar

- Leboh Acheh
- Leboh Pantai
- Leboh Bishop
- Leboh Carnarvon
- Leboh Campbell
- Jalan Chowrasta
- Leboh China (di antara Leboh Penang dan Leboh Pantai)
- Leboh Chulia
- Leboh Gereja (di antara Leboh Penang dan Leboh Pantai)
- Gat Leboh China
- Gat Leboh Chulia
- Gat Leboh Gereja
- Lorong Che Em

Leboh Downing
 Leboh Farquhar (dari simpangnya dengan Leboh Pitt ke Penang Road)
 Pesara King Edward
 Leboh Light
 Leboh Pasar (di antara Leboh Penang dan Leboh Pantai)
 Gat Leboh Pasar (di antara Leboh Pantai dan Leboh Victoria)
 Penang Road
 Leboh Tamil
 Union Street
 Pengkalan Weld (dari simpangnya dengan Persara King Edward ke simpangnya dengan Gat Leboh Chulia)

(b) *Kawasan Bandar Kecil*

Jalan Ayer Itam (dari Jalan Kampar ke Rifle Range Road)
 Jalan Ayer Rajah
 Jalan Bell
 Jalan Biggs
 Jalan Birch
 Jalan Brook
 Jalan Brown
 Cantonment Road (dari Jalan Macalister ke Jalan Yeoh Guan Seok)
 Lebohraya Codrington (dari Jalan Macalister ke Jalan Yeoh Guan Seok)
 Jalan Dunn
 Leboh Farquhar (dari Penang Road ke Jalan Northam)
 Jalan Kelawei (dari Jalan Northam ke Lorong Burmah)
 Jalan Lim Chin Guan
 Jalan Macalister (dari Jalan Perak ke Western Road)
 Jalan Northam
 Jalan Nunn
 Jalan Pangkor
 Jalan Park
 Lebohraya Peel
 Jalan Residensi
 Lebohraya Rose
 Jalan Ross
 Jalan Scotland
 Jalan Scott
 Western Road (dari Gaol Road ke Jalan Nunn)
 Jalan York (dari Jalan Scotland ke Jalan Ross)

(c) Sebarang jalan atau bahagian dari jalan yang tidak termasuk di bawah (a) dan (b) di atas dan terletak 50 meter dari mana-mana jalan masuk dan keluar sesebuah sekolah atau 50 (lima puluh) meter daripada sebarang sempadan Pasar atau sebarang Kompleks Penjaja dan/atau Kompleks Gerai yang diluluskan.

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG KECIL 19

1. Penjaja-penjaja Beredar			
(a) Menggunakan kenderaan-kenderaan ber-motor	\$36	setahun	
(b) Lain-lain Penjaja-penjaja Beredar	... \$24	setahun	
2. Penjaja-penjaja Statik			
(a) Gerai-gerai berkunci (6 m. persegi)	\$36	sebulan	
Gerai Makan	\$36	sebulan	
Gerai Barang-barang Am	\$30	sebulan	
(b) Jalan Awam (2.0m. persegi)	\$15	sebulan	
(c) Tanah Persendirian			
(a) Sehingga 2.0 m.p.	\$15	sebulan	
(b) 2.0 m.p.—9.5 m.p.	\$20	sebulan	
(c) Tiap-tiap tambahan 9.5 m.p. atau satu bahagian darinya	\$20	sebulan	
3. Penjaja-penjaja Sementara	\$15	sebulan	
		atau 50 sen	
		sehari atau	
		semalam	

JADUAL KETIGA

UNDANG-UNDANG KECIL 22

Merobohkan gerai atau memindahkan barang-barang	\$10.00
Bayaran menyimpan bagi sebuah gerai atau barang-barang	\$5.00 bagi satu tempoh yang tidak melebihi 7 hari dan 50 sen bagi tiap-tiap hari selepas itu.

Diperbuat pada 25hb Oktober, 1979.

DATUK MOHAMED BIN YEOP ABDUL RAOF
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Disahkan pada 17hb Julai, 1980.

[PSUK/PP/16881/Bah. 18; R. 50/8/11-2 (H);
PU/PP/1126/Bah. 15.]

WONG HIN FATT
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang